

# Penyelidik UPM raih 7 emas, 8 perak

**BARISAN** penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meraih tujuh emas, lapan perak dan lapan gangsa daripada 24 penyertaan dalam 'Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa' (PECIPTA) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini. PECIPTA kali ini anjuran Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bertemakan 'Innovating Today for Tomorrow'. Sebanyak 44 universiti awam dan swasta serta politeknik menyertainya dengan 500 projek inovasi dalam sembilan kluster utama.

